



Persatuan Pengguna Pulau Pinang
Consumers Association of Penang
檳城消費人協會 பிளாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம்

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109 email: consumerofpenang@gmail.com
Websites: www.consumer.org.my



Sahabat Alam Malaysia
Friends of the Earth Malaysia

For Environmental Justice

10, Jalan Padang Tembak, 11400 Air Itam, Penang, Malaysia
Tel: 604-8276930 Email: foemalaysia@gmail.com
<https://www.foe-malaysia.org>

Surat Kepada Pengarang

27 November 2025

Berhati-hatilah Terhadap Penemuan Unsur Nadir Bumi Di Pulau Pinang

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) dan Sahabat Alam Malaysia (SAM) menggesa Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya berhati-hati berhubung keghairahannya terhadap penemuan unsur nadir bumi (REE) baru-baru ini yang kononnya bernilai RM87 bilion di negeri itu. Kami menasihati kerajaan untuk menilai secara menyeluruh potensi kesan terhadap alam sekitar, sosial dan ekonomi sebelum membuat sebarang keputusan tentang eksploitasi sumber ini.

Kami menentang perlombongan nadir bumi, tidak kira apa kaedah perlombongan yang digunakan, kerana kesannya yang merosakkan alam sekitar dan kesihatan manusia. Kita mempunyai sejarah hitam mengenai perlombongan di mana ia telah meninggalkan legasi sisa tanpa banyak pengajaran yang telah dipelajari terutamanya berkaitan kes Asian Rare Earth Bukit Merah, Ipoh, Perak. Kita tidak seharusnya membiarkan sejarah berulang.

Menurut Agensi Tenaga Boleh Diperbaharui Antarabangsa (IRENA), penghasilan satu tan REE menghasilkan 2,000 tan sisa toksik, termasuk 75 meter padu air sisa dan satu tan sisa radioaktif. Oleh itu, kami tidak menyokong perlombongan REE walaupun untuk tujuan negara kita, terutamanya apabila kebanyakan sumber ini terletak di kawasan sensitif alam sekitar (ESA) termasuk di dalam hutan simpan kekal dan ekosistem kepelbagaian biologi atau berhampiran dengan penempatan orang asli dan masyarakat tempatan. Ini lebih-lebih lagi di Pulau Pinang, sebuah pulau kecil bersama kawasan kecil di tanah besar di mana terdapat kemungkinan besar bahawa kebanyakan deposit ini mungkin berada di dalam tempat sensitif alam sekitar dan berdekatan dengan masyarakat tempatan.

Berkenaan perlombongan yang melibatkan larut resap in situ, ini masih memerlukan pembersihan satu pertiga daripada tumbuh-tumbuhan dan menimbulkan risiko yang lebih serius kepada pencemaran air bawah tanah. Penggunaan ammonium sulfat sebagai larutan larut resap boleh menyebabkan pencemaran sulfat, yang berterusan lama selepas perlombongan dihentikan, melalui pencemaran nutrien yang lebih teruk di hilir sungai dan takungan, bersama-sama dengan peningkatan pengeluaran mikrob hidrogen sulfida, bahan yang sangat toksik kepada banyak organisma dan tumbuhan akuatik.

Kerajaan masih belum menyediakan rancangan apatah lagi rancangan yang memadai untuk menangani dengan semua sisa radioaktif jangka panjang yang akan dijana sebaik sahaja perlombongan dilakukan. Di mana ia akan dilupuskan, siapa yang akan menguruskan sisa dan siapakah yang akan membiayainya? Syarikat perlombongan akan datang, melombong dan pergi. Rakyat dan pembayar cukai negara inilah yang akan menanggung semua akibat yang berpunca daripada industri kotor ini.

Tidak mempunyai pandangan yang jauh mengenai perkara ini, kerajaan tidak seharusnya hanya melihat untuk mengaut keuntungan daripada pelaburan jenis ini. Sebaliknya, ia mestilah menjalankan penilaian menyeluruh terhadap risiko jangka panjang, mengutamakan perlindungan alam sekitar

dan komuniti kita berbanding keuntungan ekonomi jangka pendek. Dengan meletakkan keuntungan mengatasi langkah berjaga-jaga, kita berisiko untuk mengekalkan kesilapan yang sama yang telah merosakkan sejarah alam sekitar kita dan menjejaskan kesihatan awam. Kerajaan Pulau Pinang mestilah mengakui sepenuhnya kos yang tidak dapat diubah yang berkaitan dengan perlombongan nadir bumi dan mengalihkan tumpuan mereka daripada keuntungan kewangan segera kepada pembangunan mampan. Untuk menjaga masa depan Pulau Pinang, kita mestilah mencegah sebarang kemudaratan alam sekitar yang tidak dapat dipulihkan terhadap alam sekitar kita yang begitu rapuh. Kita mestilah bertindak secara bertanggungjawab hari ini untuk mengekalkan warisan semula jadi kita, memastikan generasi akan datang mewarisi Pulau Pinang yang sihat dan berkembang maju.

Kedua-dua Kerajaan Persekutuan dan Negeri tidak sepatutnya dibutakan oleh janji berbilion dan trilion ringgit berhubung dengan industri nadir bumi, yang perlu dilihat sebagai industri kotor dan toksik. Malaysia mestilah membetulkan keutamaannya dan meletakkan alam sekitar sebagai pusat dan tidak terus menerus merosakkan sumber asli kita atas nama menjana kekayaan ekonomi.

Jelas sekali, kita masih belum belajar daripada pengajaran masa lalu mengenai perkara yang diperlukan untuk benar-benar mampan, tetapi sebaliknya meninggalkan warisan toksik untuk generasi akan datang.

Mohideen Abdul Kader
Presiden
Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP)

Meenakshi Raman
Presiden
Sahabat Alam Malaysia (SAM)